

Majlis Hari Bertemu Pelanggan Peringkat MADA Wilayah II (14 Mac 2019)

Majlis Hari Bertemu Pelanggan Peringkat MADA Wilayah II bersempena Karnival Harapan Kedah 2019 telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Azman Bin Nasrudin, Exco Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Kedah bertempat di Perkarangan PPK H-II MADA, Kepala Batas.



Program tersebut diadakan bertujuan untuk mendekatkan MADA bersama peladang-peladang di Wilayah II, di samping orang ramai dapat berurusan dan berdialog secara langsung serta menyelesaikan masalah berhubung dengan perkhidmatan yang disediakan oleh PPK-PPK MADA mahupun Jabatan atau Agensi yang lain.



Secara khususnya, MADA dapat menerima maklumbalas dengan segera dari peladang-peladang dan masyarakat setempat. Oleh itu, mereka tidak perlu menggunakan lagi saluran akhbar untuk membuat aduan tentang permasalahan yang dihadapi. Dengan adanya Kaunter Khidmat Pelanggan yang dibuka, maka segala

aduan permasalahan dapat diselesaikan dengan cepat dan efisien tanpa perlu membelakangkan pengurusan MADA.

